

SIARAN MEDIA

KUAH GRAFFITI FESTIVAL (KGF) X MEETING OF STYLES (MOS) SASAR JADI PLATFORM PEMBANGUNAN EKOSISTEM SENI GRAFFITI DI MALAYSIA

28 OKTOBER 2023 – Balai Seni Negara sentiasa komited dalam mengangkat dan memperkasa seni graffiti agar ia terus berkembang di negara ini. Selari dengan hasrat itu, Balai Seni Negara Cawangan Langkawi mengadakan Kuah Graffiti Festival (KGF) X Meeting Of Styles (MOS) bermula 27 hingga 30 Oktober 2023 bertempat di Tapak Hospital Lama Kuah, Langkawi, Kedah.

Kuah Graffiti Festival (KGF) X Meeting Of Styles (MOS) dirasmikan hari ini oleh YBrs. Encik Amerrudin Ahmad, Ketua Pengarah, Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara. Turut hadir YBrs. Ts. Dr. Velu Perumal dan YBrs. Cik Christina Lee Mun Khei, Ahli Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara, YBrs. Dr. Azmil Munif Mohd Bukhari, Pengurus Bahagian Pelancongan Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) serta YBrs. Encik Muhammad Hazrin Abdul Malek @ Moktar, Pengarah Balai Seni Negara Cawangan Langkawi.

Festival ini dianjurkan setelah melihat kepada kejayaan program seni graffiti sebelum ini di Langkawi dan Langkawi Street Art 2.0 yang diadakan pada tahun 2020 dengan kerjasama pihak berkuasa tempatan. Kuah Graffiti Festival (KGF) X Meeting Of Styles (MOS) bermatlamat untuk menjadi sambutan tahunan seni jalanan yang mempamerkan bakat pelukis graffiti tempatan dan antarabangsa. Ia bertujuan untuk memupuk kreativiti, mempromosikan Langkawi sebagai pusat seni bandar dan meraikannya bersama komuniti.

Menarik pada tahun ini, Balai Seni Negara Cawangan Langkawi memilih lokasi Hospital Lama Pekan Kuah di mana ia bukan sahaja menyemarakkan seni graffiti, malah turut memperkenalkan semula lokasi ini sebagai tapak seni dan budaya yang mampu menarik ramai pelancong tempatan dan antarabangsa.

Festival ini menerima penglibatan seramai 50 orang pelukis yang terdiri daripada 26 pelukis tempatan dan 24 pelukis antarabangsa dari Indonesia, Thailand, China, Australia, Jepun, Denmark, Brunei, Singapura, India, Taiwan, dan Ireland. Festival ini mencipta platform yang unik untuk melihat bakat-bakat seni graffiti dari seluruh dunia.

Festival ini membawakan pelbagai pengisian yang menarik. Antaranya Pameran Seni Graffiti yang menampilkan MAGAD (Malaysian Graffiti Artist Database). MAGAD merupakan hasil penyelidikan kurator Balai Seni Negara yang merekod dan mendokumentasikan sejarah seni graffiti di Malaysia. Selain itu, festival ini turut menyaksikan perhimpunan global artis graffiti, MOS (Meeting of Styles), yang menjadi wadah persilangan idea, teknik, serta budaya dalam suasana MOS 2023 di negara ini.

Selain itu, festival ini turut menyediakan pelbagai program sokongan seperti bengkel asas lettering graffiti, bengkel doodle, dan bengkel mencetak. Festival yang bertujuan untuk membina kemahiran dan meluaskan rangkaian dalam kalangan pelukis graffiti ini mendapat penajaan dan sokongan daripada Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) selaku penaja lokasi rasmi festival, International & Official Meeting of Styles Logo, Montana Colors, AKUDesign, Nightquill, Dropsndrops, Eskis, dan SupportStreetArt.com.

Penganjuran Kuah Graffiti Festival (KGF) X Meeting Of Styles (MOS) menyasarkan pembangunan ekosistem seni graffiti di Malaysia dengan memberi pengenalan yang lebih meluas kepada komuniti tempatan mengenai seni graffiti selain memberi tumpuan kepada industri dalam mengangkat artis graffiti sekaligus mempromosi festival ini sebagai tarikan baharu di Kuah, Langkawi.

Untuk maklumat lanjut, ikuti media sosial rasmi Balai Seni Negara Langkawi atau layari laman sesawang www.artgallery.gov.my.

Dikeluarkan:

**Unit Komunikasi Korporat
BALAI SENI NEGARA, MALAYSIA**

No. 2 Jalan Temerloh, Off Jalan Tun Razak, 53200 Kuala Lumpur

Tel.: 03-40267000 Fax: 03-40244998

E: ukk@artgallery.gov.my W: www.artgallery.gov.my

Untuk pertanyaan, sila hubungi:

Balai Seni Negara:

Sarifah Abu Bakar Ebau

T: +60 16 494 7921

E: sarifah@artgallery.gov.my

Wan Nor Hidayah Wan Idris

T: +60 17 987 3303

E: hidayah@artgallery.gov.my